

# Produk Kelengkapan dapur berkualiti di **SAMARIA CUTLERY**

Penulis PUTRI MIRZA SAARI | Foto : MOHAMAD JAZLAN NANGAR



MENJENGAH MASUK KE SAMARIA CUTLERY YANG BEROPERASI DI KEMAMAN, TERENGGANU HATI TERPAUT SUKA MELIHAT DEKORASI YANG INDAH DAN TERSUSUN. MUDAH BAGI SESIAPA YANG BERTANDANG KE SINI Mencari produk kegemaran yang dingini. Menurut pemiliknya, Felicia Hoo yang berbakat besar dalam seni halus menjadi kan ruang kedai tersebut umpama sebuah kanvas yang dilakar dengan warna yang indah dan berseni.

Maka susun atur di ruang kedai tersebut sentiasa berubah gaya agar tidak statik dan memberi jiwa pada ruang kedai. Berpengalaman lebih 17 tahun dalam industri peralatan makan memberi Felli kefahaman apa yang terbaik untuk ditawarkan kepada pengguna. Meneliti produk yang dipamerkan, nyata pemiliknya mempunyai cita rasa tersendiri daripada aspek reka bentuk, warna dan pilihan produk.

Rangkaian perkakasan dapur yang terdapat di ruang kedai itu dipilih sendiri oleh Felli mengikut kesesuaian bagi menjamin mutu penyediaan makanan, rasa hidangan dan kesihatan seisi keluarga. Peralatan makan ini terdiri daripada pelbagai paten dan jenis. Produk Samaria Cutlery berbeza dengan syarikat pemborong lain daripada aspek kualiti.

Samaria Cutlery menawarkan seleksi sudu, garpu, pisau, peralatan hidang dan peralatan memasak untuk keperluan masyarakat. Menurut Felli, himpunan

peralatan makan di Samaria Cutlery menitikberatkan kualiti, gaya elegan dan berfungsi baik untuk pengguna nikmatinya pada setiap hari. Peralatan makan ini direka menggunakan keluli tahan karat 18-10 atau 18-0 yang berkualiti tinggi dengan kemasan yang indah dan tahan lama.

Koleksi pinggan mangkuk dan mug juga terdiri daripada pelbagai material dengan motif menarik serta berwarna-warni. Bagi melengkapi tugas di dapur, pisau pelbagai jenis kegunaan turut dijual di sini. Harga yang ditawarkan begitu berpatutan dan mampu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat. Jika berhajat untuk mencari produk perkakasan dapur, kunjungan ke Samaria Cutlery pasti tidak mengecewakan.

## INFO KEDAI

Nama kedai : Samaria Cutlery Sdn Bhd

Lokasi : Pt 11268, tkt 1, Blok D, Taman Chukai Utama, Fasa 3, Kemaman, Terengganu Tel: 09-8589433

Email-kemaman@samaria

Waktu operasi : 10 pagi -7 petang (Ahad-Khamis)  
10 pagi-9 malam (Sabtu)

Produk : Pelbagai produk kelengkapan dapur, ruang makan dan produk hiasan dalaman